

~~307 - 75/79~~

Y.A. Datuk Han Abdul Kadir Ismail,
Yang di Perlembagaan Persatuan Bekas
Majlis Tuar-Tengah,

Y.D. Menteri-menteri dan

Tuan-tuan UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONI,

PERDANA MENTERI MALAYSIA DI

UPAGARA MERASMIKAN MADrasah AKADEMI

ISLAM DI DEWAN AL MALEK FAISAL,

PETALING JAYA, PADA 14HB MAC, 1976

JAM 9.30 PAGI

Majlis Tuar-Tengah yang telah berjaya
mengartikan Madrasah dengan berjaya
Islam Universiti Kebangsaan.

Y.B. Datuk Wan Abdul Kadir Ismail,
Yang di Pertua Persatuan Bekas
Mahasiswa Timur-Tengah,

Y.B. Menteri-menteri dan

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya mengucapkan syukur ke hadzrat Allah s.w.t. kerana dengan izinNya dapat saya hadir bersama di Majlis Pembukaan Nadwah Akademi Islam pagi ini. Saya sukalah mengucapkan tahniah kepada Persatuan Bekas Mahasiswa Timur-Tengah yang telah berjaya menganjurkan Nadwah dengan kerjasama Fakulti Islam Universiti Kebangsaan.

2. Saya juga suka mengucapkan terimakasih dan penghargaan tinggi kepada Persatuan ini khasnya Y.B. Datuk Wan Abdul Kadir Ismail atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya merasmikan Nadwah Islam yang pertama ini.

3. Sesungguhnya Madwah Akademi Islam telah dianjurkan pada masa yang amat sesuai memandangkan ramainya cerdek pandai kita pada masa ini yang telah tidak berpeluang mempelajari pengajian Islam secara mendalam semasa mereka di Pusat-pusat Pelajaran Tinggi. Kepada

pakar-pakar kelulusan yang lebih ramai kerana kegiatan-kegiatan itu belum dapat memenuhi permintaan masyarakat Islam.

4. Dalam negara kita hari ini terdapat banyak kegiatan-kegiatan keislaman dilakukan oleh berbagai pihak yang dipercayai mempunyai tujuan yang sama iaitu menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat seluruhnya. Daripada kegiatan-kegiatan itu jelas bahawa Malaysia masih memerlukan kepada pakar-pakar keislaman yang lebih ramai kerana kegiatan-kegiatan itu belum dapat memenuhi permintaan masyarakat Islam.

5. Madwah Akademi Islam adalah merupakan satu kursus yang akan menjadi tempat pergantungan cerdik pandai negara ini untuk memahami Islam dengan lebih jelas dan teratur. Kalau selama ini Islam itu difahami melalui berbagai sumber dan cara yang berbeza, maka keadaan ini eloklah diubah supaya segala sumber dan cara itu diselaraskan sehingga dapatlah dikurangkan kekeliruan masyarakat terhadap agama yang suci ini. Jadi, Madwah ini bolehlah dianggap sebagai satu kursus yang sangat sesuai dihidupkan dan diperkembangkan dari masa ke semasa supaya dapatlah masyarakat mengetahui Islam sebenarnya.

6. Kerajaan memanglah sedar betapa mustahaknya meninggikan lagi Syear Islam di negara kita sejajar dengan tarafnya sebagai Ugama Resmi. Itulah sebabnya Kerajaan telah bersetuju supaya ditubuhkan sebuah Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tujuan supaya fakulti ini akan menjadi teras kemajuan pemikiran Islam di rantau ini. Kerajaan sangatlah mengambil berat tentang kedudukan Fakulti Pengajian Islam dan perkembangannya supaya fakulti ini boleh benar-benar menjadikan sebuah pusat pengajian Islam yang terpenting di Kawasan Asia Tenggara khasnya.

Saudara-saudara sekalian,

7. Islam bukan saja menjadi kepercayaan dan aqidah tradisi kepada umat Islam di Malaysia, tetapi patut menjadi amalan hidup yang berdasarkan kepada fahaman yang tulen dan luas, dan dipraktikkan menjadi pendorong dan ilham utama untuk reformasi pemikiran dan tindakan yang sentiasa membena, penuh kebajikan dan kebaikan, seperti yang dikehendaki oleh Islam.

8. Seluruh kalangan umat Islam, terutama generasi muda dan kaum terpelajar, mustahak mendekati Islam dan pengertian Islam yang benar dan sihat, sehingga Islam, sebagai hakikatnya yang sebenar, akan menjadi faktor yang positif dalam pemikiran dan jalan hidup mereka, menghadapi gejala-gejala perkembangan hidup dan masyarakat yang sentiasa dilanda perubahan ini, dan dalam menghadapi pengaruh-pengaruh yang merosakkan nilai masyarakat ketimuran kita yang terus menerus 'menyerang' cara hidup dan berfikir di zaman yang serba maju ini.

9. Inilah satu-satunya motif utama kenapa usaha yang baik seperti Nadwah Akademi Islam ini perlu disambut dan disokong. Adalah difahamkan, lebih 60 orang golongan terpelajar yang mengandungi kalangan pegawai-pegawai eksekutif dalam lapangan awam dan swasta akan mengambil bahagian dalam kursus tiga bulan pertama ini, setelah ditapis dari bratus-ratus permohonan. Pengajaran Islam akan sentiasa digalakkan dan diperkembangkan dalam semua peringkat pengajian.

10. Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat kepada Pusat Islam, iaitu markas Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam dan Majlis Ugama Wilayah Persekutuan, dan yang mengandungi pula di dalamnya Institut Dakwah dan Latihan Islam, serta Pusat Penyelidikan Islam. Di bawahnya juga duduk Makhad Tahfid Al-Quran yang telah berjalan lebih 10 tahun

11. Yayasan Dakwah Islamiah yang dilancarkan oleh Allahyarham Tun Razak tiga tahun dulu, adalah dimaksudkan menjadi badan induk yang menyelaras dan membantu perkembangan Dakwah di seluruh negara, dan adalah menjadi harapan saya Yayasan Dakwah Islamiah akan terus melakukan inisiatif yang penuh ilham dan imajinatif bagi mempergiatkan usaha-usaha penyelarasan, gerakan, bimbingan dan bantuannya dalam bidang Dakwah ini.

12. Sebagaimana saya tegaskan dahulu, bahawa pembentukan kebudayaan nasional kita tidak boleh terlepas dari unsur-unsur dan pengaruh Islam, kerana ia sebahagian dari hidup kita, maka kaum sarjana dan intelek Islam hendaklah memainkan peranan mereka yang positif dalam membimbing pemikiran masyarakat. Saya bercadang bahawa dalam badan-badan yang berhubung dengan pembangunan, dan pembentukan dasar-dasar pembangunan patutnya ada duduk bersama kaum cerdek pandai Islam yang luas pemikirannya dan memang perlu sumbangan mereka bersama dalam badan-badan seperti itu.

Saudara-saudara sekalian,

13. Dalam masa negara menghadapi masalah keselamatan yang bertambah berat dari golongan anti-nasional dan subversif peranan Islam dan penyibaran pengertian Islam yang sihat sangat penting, dan segala usaha yang perlu harus dilakukan sebagai usaha menjamin keselamatan negara dan survival masyarakat Islam sendiri. Nilai-nilai murni Islam yang positif perlu dipersuburkan.

14. Saya difahamkan bahawa kedudukan sekolah-sekolah agama di Wilayah Persekutuan sedang dikaji dengan aktif oleh sebuah Jawatankuasa supaya sekolah-sekolah agama rakyat dan yang dikelolakan oleh Jabatan Ugama Selangor dahulu, dapat menjadi sekolah-sekolah yang boleh menampung asuhan agama kepada anak-anak penduduk-penduduk Islam Wilayah Persekutuan, dan supaya dapat diadakan di Wilayah Persekutuan pusat Pengajian Islam yang sesuai untuk menjadi lambang pengajaran Islam yang boleh menjadi 'model' yang baik.

15. Tidaklah boleh dinafikan bahawa asuhan dan pengajaran agama Islam amatlah penting di kalangan anak-anak kita sebagai asas keteguhan iman yang menjadi benteng utama menghadapi gejala-gejala yang boleh merosakkan moral dan keperibadian Islam.


16. Bagi maksud ini saya sukalah melihat supaya usaha-usaha juga diselaraskan mengenai cara penyampaian pengetahuan Islam kepada masyarakat Islam Malaysia seluruhnya, supaya ramai lagi orang-orang Islam akan memahami dengan secara mendalam pengetahuan Islam, pandangan Islam, dan sejarah Islam yang boleh dijadikan asas panduan masyarakat Islam kukuh dan bersatupadu.

Saudara-saudara sekalian,

17. Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada Persatuan Bekas Mahasiswa Timur-Tengah dan Fakultas Islam Universiti Kebangsaan. Dengan ini saya dengan amat sukacitanya merasmikan Nadwah Akademi Islam ini serta mendoakannya Selamat Maju Jaya.

Terimakasih.





Sembura-sembura sahaja

Akhirnya saya nak jadi

menyampaikan terimakasih kepada Persekutuan

Bekas Mahasiswa Timur-Tengah dan F. Kullit

lalui Universiti Kebangsaan. Dengan ini

saya dengan amat sukacitanya mengucapkan

terima kasih kepada semua yang telah membantu

Selamat maju jaya.



No Siri 171
No Penerimaan 27/79